



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

BICARA SEJARAH ASEAN “KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN”

KUALA LUMPUR, 9 September 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia (ANM) telah menganjurkan Bicara Sejarah ASEAN “Keterangkuman dan Kemampunan”. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Bicara Sejarah ASEAN adalah **wadah ilmiah bertujuan untuk membincangkan serta menfokuskan kepada sejarah dan warisan kolektif negara-negara anggota ASEAN**, termasuk Malaysia. Selain itu, sesi ini turut **menyumbang kepada usaha memperkukuh semangat cintakan sejarah, budaya dan patriotisme di samping menyemai rasa kesamaan, keprihatinan serantau serta tanggungjawab kolektif dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai sebahagian daripada komuniti ASEAN**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, semangat ‘*ASEAN Way*’ yang berteraskan muafakat dan hormat-menghormati membuktikan bahawa kepelbagaian bukan penghalang kepada perpaduan malah menjadi sumber kekuatan. Tambah beliau, kestabilan dan kemajuan hanya dapat dicapai apabila Malaysia bersatu dalam kepelbagaian.

Beliau turut berkongsi bahawa KPN telah menganjurkan pelbagai inisiatif seperti ***Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL)***, ***Pameran Semangat ASEAN***, ***ASEAN Fabric Symposium 2025***, serta penyertaan dalam ***YSS Green Summer Volunteer Campaign (GSCV)*** di Vietnam bagi memperkukuh hubungan serantau, serta membuka ruang pertukaran ilmu, budaya dan pengalaman yang dapat menyemai semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia dan komuniti ASEAN.

“Bicara ini sejajar dengan peranan ANM dalam melestarikan warisan negara melalui pengumpulan, penyelidikan dan penerbitan bahan arkib yang autentik. Terdapat sejumlah **2,935 bahan arkib menggunakan kata kunci (keyword) ASEAN** yang boleh diakses melalui sistem COMPASS Arkib Negara”, tambah YB Datuk Aaron.

Sesi bicara ini menampilkan tiga (3) orang tokoh pembicara untuk membicarakan **pengalaman, kajian, pengetahuan dan pandangan mengenai ASEAN**. Turut diadakan ialah jualan buku terbitan ANM, pameran ASEAN serta khidmat konsultansi berkaitan penggunaan Online Finding Aid (OFA) dan penyelidikan Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS).

Kementerian Perpaduan Negara
9 September 2025
KPN.100-9/1/16 **(76)**